

28 MAR 1996

Mahathir - Pelabur

PELABUR JANGAN TERLALU HARAP PERLINDUNGAN KERAJAAN, KATA PM

Oleh: Ali Mamat

AUCKLAND, 28 Mac (Bernama) -- Pelabur Malaysia yang menanam modal di negara-negara luar harus berani menghadapi cabaran dan jangan terlalu bergantung kepada kerajaan untuk mendapatkan perlindungan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Katanya, bangsa yang berjaya ialah bangsa yang sanggup berusaha mengatasi apa jua masalah.

"Kita harus ingat bahawa walaupun terpaksa berhadapan dengan budaya yang berlainan, pelabur-pelabur Jepun, Korea dan Amerika masih mencapai kejayaan di tempat orang," katanya pada persidangan akhbar pada akhir lawatan rasmi empat harinya ke New Zealand, di sini.

Beliau diminta pendapat apakah pelabur-pelabur Malaysia harus meneruskan penerokaan mereka di beberapa buah negara kepulauan Pasifik Selatan sedangkan mereka berhadapan dengan pelbagai masalah.

Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik yang melawat Papua New Guinea, Kepulauan Solomon dan Vanuatu baru-baru ini mendapati kebanyakan pelabur Malaysia yang menceburi bidang pembalakan di negara-negara itu tertipu oleh pihak berkuasa setempat dan tuan tanah serta berhadapan dengan pelbagai kareneh termasuk soal jaminan pemilikan kawasan konsesi, struktur cukai yang berubah-ubah dan cukai ekspor yang terlalu tinggi.

Dr Mahathir berkata, pelabur-pelabur terbabit hendaklah tabah menghadapi cabaran-cabaran itu kerana berhadapan dengan pelbagai masalah ketika berada di negara orang adalah satu perkara biasa dan tidak boleh disamakan dengan keadaan di negara sendiri.

Perdana Menteri akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur esok. Dalam perjalanan, beliau akan singgah selama dua jam di Brisbane untuk menemui Perdana Menteri baru Australia John Howard atas permintaan rakan sejawatannya itu. -- Bernama.

AM AHH